

## SIARAN MEDIA

### MyCC IKRAR PANTAU PASARAN DAN PENGUATKUASAAN KETAT

**KUALA LUMPUR, 10 JUN 2024** – Susulan pengumuman Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) baru-baru ini berhubung pelaksanaan subsidi diesel bersasar di Semenanjung Malaysia berkuat kuasa 10 Jun 2024, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebuah agensi di bawah KPDN, menegaskan semula komitmennya untuk memastikan amalan pasaran yang kompetitif dan bebas kartel.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengumumkan semalam bahawa KPDN akan menguatkuasakan harga runcit baharu diesel di Semenanjung Malaysia pada RM3.35 seliter berkuat kuasa 10 Jun 2024 dan semua peraturan-peraturan sedia ada berkaitan penjualan diesel masih berkuat kuasa dan terpakai. Kenyataan itu dibuat selepas pengumuman mengenai struktur harga diesel baharu dan langkah subsidi bersasar oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II baru-baru ini.

MyCC ingin menekankan bahawa agensi ini akan bekerjasama rapat dengan KPDN dan MOF dalam mendapatkan akses kepada data penting yang membolehkan MyCC mengesan dan bertindak balas terhadap sebarang tanda herotan pasaran, terutamanya aktiviti kartel.

“Kami maklum wujudnya persaingan dalam pasaran yang berkaitan, tetapi kami akan terus memantau dengan teliti sebarang tingkah laku anti-persaingan. MyCC akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat yang didapati terlibat dalam tingkah laku kartel atau pakatan harga, yang menjejaskan integriti pasaran yang boleh menjejaskan pelaksanaan subsidi bersasar ini. Kami akan bertindak tanpa rasa gusar atau pilih kasih terhadap pemain-pemain di mana-mana peringkat rantaian bekalan yang menunjukkan tanda-tanda menghalang, menyekat atau mengganggu-gugat persaingan dalam pasaran untuk barangan atau perkhidmatan. Untuk mengukuhkan kesediaan dan usaha kami, sumber khas telah didedikasikan kepada MyCC bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam tingkah laku sabotaj ekonomi yang berkaitan” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJ BERITA / EKONOMI**

MyCC mengalu-alukan sebarang pertanyaan atau laporan daripada pengguna dan syarikat. Mereka boleh berbuat demikian melalui laman web kami di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) atau melalui sebarang cara lain yang mudah untuk mereka.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJ BERITA / EKONOMI**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 250 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewanganyang telah dikenakan melebihi RM500 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).